

**TITAH UCAPAN DULI YANG TERAMAT MULIA BRIGADIER  
GENERAL TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI  
TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL RAJA MUDA  
PERLIS DI MAJLIS PERASMIAN PELANCARAN LATIHAN  
KEM TAHUNAN "EKSESAIS GEGAR UTARA" PALAPES  
UiTM, UUM DAN UniMAP 2007 PADA 6 DISEMBER 2007**

Bismillahirramanirrahim

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha  
Mengasihani

Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan Selamat  
Pagi.

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa  
Ta'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua maka  
dapatlah kita bersama-sama pada pagi ini.

Pertama sekali, Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada  
semua anggota PALAPES daripada Universiti Teknologi MARA,

Universiti Utara Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis yang hadir di majlis yang sungguh bermakna ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah menjemput Saya bagi menyempurnakan majlis ini. Terima kasih juga Saya ucapkan kepada semua pihak yang telah, secara langsung mahupun tidak langsung, bekerja keras bagi menjayakan majlis seumpama ini.

Hadirin sekalian,

Sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka, tanggungjawab untuk mempertahankan tanah air, tempat tumpah darah kita, bukanlah hanya terletak di bahu pasukan bersenjata semata-mata, malah ia menjadi komitmen semua rakyat, termasuk kita semua yang ada di sini. Dan sebagai rakyat, kita dituntut untuk terus memelihara dan menjaga keamanan dan keselamatan negara. Sebagai anggota PALAPES, anda telah menunjukkan contoh teladan yang baik dalam menjalankan tanggungjawab sosial anda terhadap negara. Tanggungjawab ini hendaknya bukanlah hanya dilakukan semasa anda berada

dalam pasukan PALAPES di universiti sahaja malah perjuangan ini hendaklah diteruskan selepas anda telah tamat belajar nanti.

Menjaga keamanan dan keselamatan negara bukan sekadar memikul senjata di medan perang, tapi ia boleh dilakukan melalui berbagai cara. Menghayati dan mengamalkan lima tunggak Rukun Negara contohnya, dapat membantu kita untuk menjaga keharmonian negara. Marilah kita sama-sama hayati dan amalkan lima tunggak Rukun Negara agar kita dapat hidup aman, makmur dan sejahtera.

Dalam senario hari ini, walaupun ramai di antara pelajar universiti memilih untuk menyertai PALAPES ketika di universiti, tidak ramai pula di antara mereka yang mencebur diri dalam bidang ketenteraan sebagai satu kerjaya atau melaporkan diri sebagai anggota sukarela atau sukarelawati selepas tamat pengajian di universiti. Kenapa ini terjadi? Adakah keadaan ini berlaku kerana pelajar sendiri mempunyai persepsi yang berbeza tentang PALAPES. Saya difahamkan ada diantara anggota PALAPES sendiri menganggap bahawa aktiviti yang mereka ceburi di

peringkat universiti adalah sekadar pilihan ko-kurikulum yang harus diikuti sebagai memenuhi syarat untuk mendapat ijazah. Ada juga para pelajar yang menggunakan sijil tauliah PALAPES sebagai *resume* untuk mendapat pekerjaan. Mereka tidak menunjuk minat untuk meneruskan kerja kesukarelaan dengan menyertai Askar Wataniah yang beroperasi di semua negeri, selepas mendapat jawatan tertentu, sama ada di sektor swasta mahupun di sektor awam. Berbagai alasan diberikan mereka. Sesungguhnya kita harus sedar bahawa Askar Wataniah adalah pelapis dan benteng kedua pertahanan negara dan ianya terbuka kepada semua rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.

Hadirin sekalian,

Melalui lawatan bersama para komandan dan Timbalan Komandan PALAPES ke beberapa buah negara luar seperti Bosnia, Turki, Perancis dan Switzerland. Saya dapati negara tersebut mempunyai ramai anggota pasukan simpanan tentera yang diceburi secara sukarela. Jadi, tanggapan bahawa aktiviti PALAPES hanya sekadar ko-kurikulum sahaja adalah tidak lagi

relevan dan harus diubah. Kerjaya sebagai seorang perajurit adalah merupakan satu kerjaya yang mulia dan amat dihormati. Melalui kerjaya sebagai seorang tentera, anda bukan sahaja mendapat latihan untuk ke medan perang tapi anda dapat berkhidmat dalam berbagai bidang dan disiplin yang diminati dan terdapat di dalam perkhidmatan pasukan keselamatan. Bidang perubatan, kejuruteraan, teknologi maklumat, teknologi peperangan, penerbangan, kajian samudera dan pelayaran, pendidikan, dan keagamaan umpamanya, boleh diperolehi dalam karier seseorang sebagai seorang tentera.

Hadirin sekalian,

Sebelum Saya akhiri titah ucapan ini, Saya sekali lagi mengajak semua supaya memberi perhatian yang serius kepada kestabilan, keamanan dan keselamatan negara supaya kita dapat terus hidup aman dan makmur. Janganlah kita mengambil sikap sambil lewa atau *complacent* tentang soal-soal keselamatan negara kerana ia boleh membawa impak yang buruk jika kita abaikannya. Jauhilah diri kita daripada aktiviti yang tidak bermoral dan tidak

berfaedah yang boleh mencetus keadaan tidak stabil yang mudah bagi anasir-anasir jahat untuk menanggung di air keroh. Marilah kita ubah persepsi kita terhadap kerjaya sebagai seorang tentera yang bersifat keras dan lasak kepada kerjaya yang makruf dan mulia di sisi masyarakat.

Hadirin sekalian,

Akhir titah, Saya sekali lagi ucapkan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Dan dengan lafaz, **Bismillahirrahmanirrahim**, Saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Latihan Kem Tahunan PALAPES UiTM, UUM dan UniMAP bagi tahun 2007.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Terima Kasih.